

DATE : 21 AUG 2017  
 PUBLICATION : BERITA HARIAN  
 SECTION : BISNES  
 HEADLINE : FBMKLCI DIJANGKA MENERUSKAN ALIRAN NAIK  
 CATEGORY : MENTION  
 MEASUREMENT : 264CM<sup>2</sup>  
 TONE : NEUTRAL  
 REMARKS : NIL

# FBMKLCI dijangka meneruskan aliran naik

## Saham & Anda



**Zainal Ariffin Osman**  
 Pemegang Isyarah Wakil Pasaji dan Pasaji Pasaji berdaftar di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Pada minggu lalu, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) naik 9.25 mata untuk ditutup pada paras 1,776.22, hampir kepada paras tertinggi mingguan dan paras tutup tertinggi sejak tujuh minggu lalu.

Sedikit keraguan adalah kerana jumlah dagangan pada minggu itu adalah agak kurang berbanding dengan minggu-minggu yang lalu.

Untuk minggu ini, FBMKLCI dijangka meneruskan aliran menaik dengan TPI pada paras 1,783 dan TP2 pada paras 1,800.

Setakat Ogos lalu, pelabur asing masih lagi mengekalkan aliran masuk bersih sebanyak RM254.5 juta.

Isnin minggu lalu, FBMKLCI naik 4.12 mata kepada ditutup pada 1,771.08 atau naik 0.23 peratus (%). Pasaran saham di seluruh Asia lebih tinggi pada Isnin selepas penyusutan pada minggu sebelumnya.

Ini berikutan berkurangnya risiko peperangan antara Korea Utara dan Amerika Syarikat (AS).

Jumlah dagangan pasaran tempatan mencatatkan 1.639 bilion saham yang bertukar tangan dengan nilai RM1.894 bilion.

Jumlah ini berkurangan daripada dagangan pada Jumaat minggu sebelumnya dengan saham yang didagangkan sebanyak 1.353 bilion saham bernilai RM1.497 bilion.

Kaunter yang mencatatkan keuntungan adalah KESM +RM1.58 (+8.54%), MFI +RM0.36 (+2.82%), LICITAN +RM0.34 (+7.8%), UNISEM +RM0.20 (+5.45%), TGLUAN +RM0.13 (+3.19%) dan GENM +RM0.19 (+3.37%).

Kaunter rugi termasuk HENGTUAN -RM0.21 (-3.72%), MSC -RM0.13 (-3.54%) dan HIL -RM0.06 (-5.56%).

Data ekonomi kedua terbesar dunia terkini, China melihat pertumbuhan memuncak pada separuh tahun pertama tahun ini atas usaha untuk mengekang hutang dan menaikkan pertumbuhan kapasiti.

Pengeluaran perindustrian berkembang pada 6.4% untuk setahun ke setahun pada Julai, iaitu turun dari 7.6% pada Jun dan di bawah pertumbuhan 7.3% yang dijangka oleh ahli ekonomi.


Jualan hotel meningkat pada kadar 10.4% untuk setahun ke setahun, jatuh berbanding Jun (11%) dan ramalan (10.8%).

Pelaburan aset tetap, atau perbelanjaan terhadap infrastruktur dan hartanah, meningkat pada kadar 8.3% tahun ke tahun untuk tujuh bulan pertama, turun daripada ramalan kenaikan 8.6%.

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih hari itu adalah pada RM60.2 juta. Ringgit menambah nilai terhadap AS\$ yang dipegang pada 4.2930.

Pada Selasa, FBMKLCI ditutup

PERGERAKAN FBMKLCI



lebih tinggi sebanyak 1.31 mata, kepada 1,771.23 mata. Pasaran saham global terus meningkat selepas Korea Utara menarik balik ancamannya untuk menyerang Guam.

Di pasaran tempatan, jumlah dagangan naik kepada 1.797 bilion saham yang didagangkan bernilai RM1.795 bilion berbanding 1.525 bilion yang bernilai RM1.696 bilion hari sebelumnya. Sebahagian besar sektor naik kecuali sektor - perindustrian dan kewangan.

Kaunter untung termasuk MPI +RM1.03 (+7.77%), BAI +RM0.80 (+2.89%), Lettie Titan +RM0.42 (+8.94%), Hartalega +RM0.22 (+3.25%), KLOCP +RM0.12 (+1.54%), Petron Malaysia +RM0.23 (+2.4%), Kibinjin +RM0.14 (+0.59%), Magri +RM0.14 (+1.84%) dan Vitrox +RM0.10 (+2.32%).

Kaunter rugi termasuk Hap Seng Consolidated -RM0.13 (-4.2%), MISC -RM0.08 (-1.09%), Hong Leong Industries -RM0.16 (-1.61%), Rosas -RM0.12 (-1.88%), Cocoland -RM0.09 (-3.14%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih hari itu pada RM24.2 juta. Ringgit menyusut nilai kepada 4.2955 berbanding AS\$.

FBMKLCI naik 1.95 mata untuk ditutup pada 1,773.75 mata pada Rabu. Kebanyakan pasaran saham Asia ditutup lebih tinggi pada hari itu selepas Pelabur mencerna perubahan pendapatan keposit serantau dan kebangkitan semula dolar.

Di pasaran saham Malaysia, jumlah dagangan jatuh kepada 1.719 bilion saham yang didagangkan bernilai RM1.800 bilion, berbanding jumlah dagangan hari sebelumnya sebanyak 1.797 bilion bernilai RM1.795 bilion.

Indeks ACE meningkat lebih 2.65%. Hampir semua sektor meningkat, didahului oleh sektor teknologi yang meningkat lebih 1.05%.

Kaunter untung termasuk HLFJG +RM0.30 (+1.3%), Penta +RM0.30

(+6.99%), KESM +RM0.20 (+1.33%), Petron Malaysia +RM0.16 (+1.78%), Vitrox +RM0.15 (+3.41%), MBSB +RM0.11 (+3.17%), Citracos +RM0.11 (+1.8%), MFCB +RM0.10 (+2.78%) dan Bison +RM0.14 (+5.6%).

Kaunter rugi termasuk United Plantations -RM0.28 (-1.0%), Spritzer -RM0.06 (-2.64%), UMW -RM0.06 (-1.03%) dan Chin Hin -RM0.04 (-2.94%). Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih hari itu ialah RM22.4. Ringgit menambah nilai kepada 4.2835 berbanding AS\$.

Pada Khamis, FBMKLCI ditutup lebih tinggi sebanyak 2.96 mata pada 1,776.31. Pasaran saham Asia Pasifik di tutup bercampur-campur, dengan indeks di rantau ini tidak dapat bertahan di paras tertinggi hari itu.

Jumlah dagangan pasaran tempatan adalah 1.804 bilion saham didagangkan bernilai RM1.878 bilion berbanding jumlah dagangan 1.719 bilion bernilai RM1.800 bilion pada hari sebelumnya.

Kebanyakan sektor di pasaran saham Malaysia meningkat pada hari itu kecuali sektor perladangan dan sektor perindustrian.

Kaunter untung termasuk Heng Yuan +RM0.82 (+8.36%), Lettie Titan +RM0.38 (+7.51%), Petron Malaysia +RM0.23 (+3.34%), Vitrox +RM0.25 (+5.49%), Pentamaster +RM0.19 (+4.1%), Genting Malaysia +RM0.12 (+1.66%), Serba Dinamik +RM0.10 (+4.98%), Kerjaya Prospek +RM0.10 (+2.82%), Sunway Cons +RM0.10 (+4.55%) dan GHI +RM0.09 (+5.62%).

Kaunter rugi termasuk Petronas Gas -RM0.22 (-1.37%), KLOCP -RM0.08 (-1.01%), Astro -RM0.05 (-1.87%) dan MFCB -RM0.03 (-2.69%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih hari itu ialah RM3.5 juta. Ringgit tidak berubah berbanding AS\$ pada 4.2955.

FBMKLCI tergelincir 0.09

mata untuk ditutup pada paras 1,776.22 da Jumaat. Pasaran Saham Global merunar selepas pengumuman menyering-jalan raya yang sesak di Barcelona, dan kebangkitan terhadap kebanyakan pentadbiran Presiden Donald Trump untuk melaksanakan beberapa polisi yang dirancangkan.

Jumlah dagangan bursa tempatan turun ke 1.454 bilion saham yang didagangkan bernilai RM1.576 bilion daripada jumlah dagangan 1.804 bilion saham bernilai RM1.878 bilion pada hari sebelumnya.

Semua Sektor di tutup bercampur-campur dengan sektor perladangan mendahului keuntungan.

Kaunter untung, termasuk Westports +RM0.13 (+3.58%), KCI Corp +RM0.09 (+2.01%), GENP +RM0.12 (+1.36%), HengYuan +RM0.10 (+5.22%), PMetal +RM0.07 (+2.14%) dan Serba +RM0.05 (+2.37%).

Kaunter rugi, termasuk Tasek -RM0.20 (-3.83%), MFI -RM0.20 (-3.42%), Vitrox -RM0.15 (-3.12%), Pchm -RM0.10 (-5.37%) dan Licitan -RM0.09 (-1.65%).

Ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat sebanyak 5.8% pada suku kedua yang berakhir pada Jun 2017. Pertumbuhan tahun paling cepat sejak suku tahun pertama 2015, melebihi jangkaan ahli ekonomi pada paras 5.4%.

Pertumbuhan itu didorong oleh sektor perkhidmatan dan perladangan. Dengan pertumbuhan 5.7% untuk separuh pengal yang pertama, Bank Negara Malaysia memperkirakan ekonomi Malaysia akan berkembang lebih 4.8% pada tahun ini.

Tujuan ini bukan memberi saranan untuk membeli atau menjual saham. Ia adalah berbentuk komentar penulis terhadap pasaran saham secara umum dan sebagai pendidikan kepada pelabur di Bursa Malaysia.